



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

19 Okt 2020 (Isnin)

Berita Harian

Kuala Selangor catat paras 5.8 meter, tertinggi sejak 20 tahun	1
Enam beranak terpaksa berlindung dalam kereta	2
Air Selangor perlu pertimbang beri ganti rugi	3
LRA SSP1 kembali beroperasi tengah hari semalam	4

Utusan Malaysia

Jualan RM75, saman RM300	5
--------------------------	---

Harian Metro

Gangguan pulih sepenuhnya esok	6
12 rumah di tiga lokasi kena limpahan	7
Bila Badai Reda - Cabaran industri air	8

Kosmo

TM R&D menang 2 anugerah iktiraf penyelesaian pintar	9
--	---

Sinar Harian

Bila Badai Reda - Cabaran Industri Air	10
Air Selangor jadi kemarahan rakyat	11
Gangguan bekalan air pulih secara berperingkat	12
Jumlah rumah terjejas meningkat	13

Selangor TV

Belanjawan 2021: Lesen & sewa gerai percuma?	14
--	----

The Star

Moving foward with technology	15
-------------------------------	----

New Straits Times

Water supply in 686 areas to be fully restored tomorrow	16
---	----

The Malaysian Reserve

Another 10,000 SMEs in S'gor to adopt e-commerce	17
--	----

Sin Chew Daily

Disinfection and pandemic prevention of constituency affairs	18
YB is not isolated from people? livelihood	

Guang Ming Daily

Sea levels risen at Pulau Ketam and Sungai Lima; Hundreds of homes are sunken	19
---	----

Makkal Osai

Sungai Selangor Water Treatment Plant start operating	20
---	----

Tamil Malar

Covid 19 test to Bandar Sungai Manggis residents	21
--	----



KERATAN AKHBAR
19 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kuala Selangor catat paras 5.8 meter, tertinggi sejak 20 tahun
Muka Surat	:	16



Fenomena air laut pasang besar
Kuala Selangor catat paras 5.8 meter, tertinggi sejak 20 tahun

Bencana lazim berlaku setiap tahun, tak babit pemindahan penduduk

Oleh Hassan Omar, Mohd Khidir Zakaria, Norzamia Che Noh dan Amirul Altman Hamsuddin
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Air pasang besar setinggi 5.8 meter yang dicatatkan di Pelabuhan Klang jam 6.50 pagi semalam adalah yang tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

Fenomena air pasang besar turut melanda Kuala Selangor dan beberapa kawasan di Melaka dan Negeri Sembilan.

Pegawai Operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor, Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir, berkata fenomena lazim berlaku setiap tahun melanda lima daerah di negeri itu, bagaimanapun tidak membabitkan pemindahan penduduk ke pusat pemindahan sementara (PPS) setakat jam 11 pagi semalam.

"Berlaku limpahan kecil air di kawasan pemampatan berhampiran pantai di lima daerah iaitu Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang pagi semalam, namun kini mulai surut."

"Di Kuala Selangor berlaku hakisan ban dan benteng di Kampung Sungai Jangcut, Jeram dan

beberapa rumah dimasuki air sehingga paras betis akibat limpahan air laut.

"Hanya sedikit limpahan air dikesan melepasi ban atau benteng di Bagan Pasir Tanjung Karang, jalan masuk Pangsa-puri Budiman, rekreasi pantai Sungai Kajang, Jalan Sungai Dungun, Kampung Tok Adam, Bagan Sungai Jangcut, Kampung Bagan Sungai Kajang, Jeti Nelayan Sungai Kajang, Pekan Sungai Buloh Sasaran dan Jalan Taman Senangin Sasaran di sekitar daerah ini," katanya ketika dihubungi BERNAMA, semalam.

Muhammad Izzat Haziq berkata, terdapat runtutan kecil di Ban Kampung Nelayan Tekong, Pelabuhan Klang, Klang dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran negeri akan segera membaikinya.

"Beberapa kawasan di daerah itu turut dilipahi air antaranya kawasan Ban Sungai Keramat Kampung Batu 4, Ban Batu 7 (Kampung Sementa), Kampung Tok Muda, Pengkalan Nelayan, Pengkalan Sungai Ulang, Kampung Baru Tokok Gombak dan Kampung Tradisi dan Kampung Pandamaran," katanya.

Muhammad Izzat Haziq berkata, cuaca cerah dan tiada hujan antara faktor menyebabkan fenomena air laut pasang di lima daerah itu dalam keadaan terkawal.

Fenomena air laut pasang besar yang melanda pesisir pantai lima daerah di Selangor bermula semalam hingga hari ini serta

diramal berlaku pada 15 dan 16 November depan.

Di Pelabuhan Klang, beberapa rumah di perkampungan nelayan di Jalan Bagan Hailam, Pelabuhan Utara, dekat sini, dinaiki air susulan air pasang besar bermula kelmarin.

Penduduk, Siau Heng Fook, 45, berkata kawasan itu sering dinaiki air apabila fenomena berkenaan berlaku tetapi air tidak pernah masuk ke dalam rumah.

"Ini kali pertama berlaku pada tempoh 20 tahun dan nasib baik kami sempat mengemas barangan serta peralatan rumah ke tempat yang lebih tinggi," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Penduduk, Mariam Halim, 37, berkata dia menyedari air mula naik jam 6.45 pagi dan tidak menyangka ia akan lebih tinggi berbanding kelmarin, sehingga memasuki rumah.

"Saya dimaklumkan air pasang hari ini (semalam) akan lebih tinggi berbanding semalam (kelmarin), tetapi saya fikir ia tidak begitu serius kerana cuaca baik serta tidak hujan," katanya.

Tinjauan dilakukan, air dilihat mula melimpah ke kiri dan kanan Lebuh raya Baru Selat Klang Utara (SHAPADU) pada jam 6.50 pagi menyebabkan hanyanya satu laluan boleh dilalui kenderaan.

Beberapa jalan di kawasan perindustrian di sepanjang Jalan Bagan Hailam, Pelabuhan Utara juga dinaiki air, bagaimanapun masih boleh dilalui kenderaan.

Air pasang besar pagi semalam merekodkan paras tertinggi iaitu 5.8 meter berbanding 5.7 meter yang direkodkan kelmarin.

Fenomena ini dijangka berakhir pagi ini dengan ketinggian paras air laut pada 5.7 meter, pada jam 7.27 pagi.

Di Kuala Selangor, sekurang-kurangnya 12 rumah di tiga lokasi di daerah ini terjerjes akibat air pasang besar, semalam.

Kediaman dipercayai bermula jam 6.50 pagi itu menjejaskan lima rumah di Kampung Sungai Jangcut, masing-masing tiga rumah di Bagan Sungai Jangcut dan Jalan Yunus serta empat rumah di Sungai Sembilang.

Di Port Dickson, beberapa rumah berhampiran laut di Kampung Chuah, Kuala Lukut rosak teruk akibat air pasang besar awal pagi semalam.

"Tinjauan BH mendapati, penghuni tiga rumah di Balai Nelayan Kuala Lukut tidak sempat menyelamatkan barangan selepas dilanda ombak besar yang naik setinggi 3.4 meter menyebabkan sebahai rumah musnah.

Mangsa, Norrishah Abd Aziz, 41, berkata dia tercedar air masuk ke rumah sebaik terdengar suara jeritan jiran selepas solat Subuh.

"Saya terkejut sebaik membuka pintu bilik, air sudah memenuhi ruang tamu hingga ke dapur dan beberapa barangan elektrik musnah, tetapi haliran kerana ruang solat terlekat bersebelahan tidak dimasuki air."

"Bilik Ibu mentua yang tertanjar sakit sejak enam tahun lalu juga tidak dimasuki air, sedangkan air sudah bergesang hampir 0.3 meter dalam rumah.

"Kejadian ini kali pertama berlaku sejak saya tinggal di sini 15 tahun lalu bersama suami, Karnain Hassan, 41, dan empat anak berusia enam hingga 17 tahun," katanya.

Sementara itu rumah pasangan warga emas, Tan Sui Heng, 76, dan suaminya, Thomas Lim Eng Liat, 98, runtuh akibat dilanda ombak besar.

Siu Heng berkata, dia dan suaminya hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM300 sebulan, mengharapkan bantuan segera untuk membaiki kediamannya.

Di Melaka, fenomena air pasang besar di Pantai Puteri, Tanjung Kling di sini dan pantai Kuala Sungai Baru serta Tanjung Dahlan di Alor Gajah mulai jam 7 pagi semalam, menyebabkan nelayan segera menamatkan tali perah dan memindahkan perah,



Fenomena yang berlaku di Tanjung Kling. (Foto Hassan Omar/BH)

Norrishah beresam ibu mentua. (Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Kediaman rumah Siau Heng runtuh akibat air pasang. (Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Fenomena air laut pasang besar di Kuala Selangor. (Foto Ihsan UPBN)

Kanak-kanak bermandi-mandi di Perkampungan Nelayan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang. (Foto BERNAMA)

alat menangkap ikan.

Tinjauan di Kampung Pantai Rombang, iaitu sebahagian daripada Pantai Puteri sepanjang 10 kilometer (km) semalam, mendapati nelayan berbuat demikian sebagai tindakan kali kedua tahun ini selepas berbuat perkara yang sama pada 21 September lalu.

Peniaga warung kopi di Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, dekat Alor Gajah, Pilus Saban, 70, berkata air pasang besar menyebabkan hakisan pantai berhampiran warungnya semakin melebar dan membimbangkannya.

Mohd Rahmad Khamis, 36, berkata selepas solat Subuh semalam, nelayan beramai-ramai menolak perahu jauh dari gigi pantai dan mengatatkan tali perah pada tiang pondok nelayan atau pokok.

"Kami memindahkan jaring dan peralatan lain elak rosak dan kerugian," katanya ditemui di sini.

Katanya, fenomena berkenaan berlaku pada setiap kali angin barat bertipu kencang dari September hingga Oktober setiap tahun.

Nelayan di Kampung Tanjung Dahlan, Linggi, Alor Gajah, Kamarudin Yusoff, 61, berkata fenomena itu menyebabkan nelayan bimbang, selain bergelut masalah hakisan pantai yang amat serius sejak Julai lalu.



KERATAN AKHBAR
19 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Enam beranak terpaksa berlindung dalam kereta
Muka Surat	:	17



Mohd Helmi bersama dua daripada empat anaknya yang terpaksa menjadikan kereta Perodua Myvi sebagai tempat tinggal sementara. (Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

Enam beranak terpaksa berlindung dalam kereta

Kuala Selangor: "Saya sekeluarga terpaksa tidur dalam kereta kerana air pasang besar sejak semalam menyebabkan air melimpah separas pinggang di rumah kami," kata penduduk Kampung Sungai Janggut, Jeram, di sini, Mohd Helmi Husin, 48.

Mohd Helmi berkata, dia dan isteri, Zareni Mohd Yop, 36, bersama empat anak terpaksa menjadikan kereta Perodua Myvi sebagai tempat tinggal sementara kerana tidak dapat mencari perlindungan sementara di Klang seperti sebelum ini.

"Sebelum ini, saya akan hantar isteri dan anak ke rumah anak sulung di Klang beberapa hari sebelum kejadian (air pasang besar). Namun, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kami tidak dapat keluar daerah dan terkandas di sini.

"Apa yang membuatkan kami terkilang, perkakas rumah seperti mesin basuh, perabot dan peti sejuk serta barangan keperluan sekolah anak yang diletakkan di tempat tinggi rosak ditenggelami air," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, fenomena air pasang besar itu antara paling buruk pernah dialaminya sejak sembilan tahun menetap di kampung itu. Setahun, fenomena (air pasang besar) berlaku sebanyak tiga ke empat kali.

Justeru, beliau merayu pihak berkuasa bertindak segera mengatasi perkara itu, selain membantu penduduk yang menanggung kerugian akibat banyak peralatan di rumah rosak.

Ini kali pertama air masuk ke rumah dan saya tak sempat menyelamatkan barang kerana memikirkan keselamatan diri serta keluarga.

Saiful Hazri Sulaiman, Penduduk Kampung Sungai Janggut

"Saya dimaklumkan pihak berkuasa menjangkakan air laut pasang lebih besar hari ini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Saiful Hazri Sulaiman, 33, berkata dia menyedari air mula naik kira-kira jam 6 pagi dan tidak menyangka ia memasuki bahagian dalam rumah.

"Ini kali pertama air masuk ke rumah dan saya tidak sempat menyelamatkan barang seperti perabot dan peti sejuk kerana memikirkan keselamatan diri serta keluarga.

"Kami keluar dan terus menuju ke jalan utama. Selepas keadaan reda, saya hubungi bomba untuk mengempam air keluar dari rumah kira-kira jam 7 pagi," katanya.

Air pasang besar pagi ini mencatatkan paras tertinggi iaitu 5.8 meter berbanding 5.7 meter semalam.

Fenomena ini dijangka berakhir pagi esok dengan peningkatan paras air laut 5.7 meter pada jam 7.27 pagi.



Keadaan rumah Saiful Hazri yang dinaiki air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Air Selangor perlu pertimbang beri ganti rugi
Muka Surat	:	18

Air Selangor perlu pertimbang beri ganti rugi

Pengguna berdepan pelbagai kesulitan, kerugian sepanjang gangguan bekalan

Oleh Mahani Ishak dan Latifah Arifin
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) perlu mempertimbangkan pemberian ganti rugi kepada pelanggan yang terpaksa berdepan pelbagai gangguan bekalan air.

Presiden Forum Air Malaysia, Saral James Maniam, berkata ganti rugi adalah wajar kerana pengguna terpaksa berdepan pelbagai kesulitan sepanjang gangguan bekalan kemudahan berkeajaan.

"Ini masanya Air Selangor mempertimbangkan pemberian ganti rugi akibat gangguan air kepada penggunanya. Situasi yang sering dihadapi pengguna air di Selangor dan Kuala Lumpur begitu mengecewakan.

"Tambahan pula ramai terkesan kerana kehilangan pekerjaan, pendapatan dan peluang perniagaan disebabkan pandemik COVID-19. Dengan Perintah Kawalan

Pergerakan Bersyarat (PKPB) ketika ini, penduduk terbeban pula dengan gangguan bekalan air," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kebelakangan ini, gangguan bekalan air beberapa kali berlaku di sekitar Lembah Klang, terbaru pada malam kelmarin apabila Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) terpaksa dihenti tugas separa untuk kerja pembaikan paip menyalurkan bekalan air terawat yang bocor.

Bekalan air ke 686 kawasan di Wilayah Petaling, Gombak, Klang/Shah Alam, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor ditutup pada jam 9 malam kelmarin.

Mengenai pencemaran sumber air yang turut menyebabkan bekalan kepada pengguna terganggu, Saral berkata, Air Selangor perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk memperbetulkan keadaan dan menetapkan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan sepatutnya.

"Sebagai pengguna, kami sudah

muak dan tidak mahu mendengar sebarang alasan lagi. Air Selangor perlu memastikan bekalan air mentah adalah berterusan dan sentiasa mempunyai pelan sokongan A dan B.

"Pembekal perlu sentiasa proaktif dan berusaha memastikan bekalan berkualiti serta memenuhi keperluan pelanggan," katanya menambah, Air Selangor juga perlu memastikan bekalan air adalah berterusan walaupun ketika berlaku pencemaran air, selain mengurangkan isu kebocoran paip air.

Beliau turut mempersoalkan aspek pengendalian penyelenggaraan dan pemantauan kemudahan air oleh Air Selangor yang disaran mengkaji semula risiko pengurusan perkhidmatannya secara menyeluruh.

"Syarikat itu juga perlu maklumkan pelan untuk selesaikan semua krisis berkaitan perkhidmatan pembekalan air: Berdasarkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN) 2019, gangguan bekalan air di Selangor sepanjang 2018 adalah sebanyak 11,074 kes atau purata 30 kes setiap hari," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Per-



Ini masanya Air Selangor mempertimbangkan pemberian ganti rugi akibat gangguan air kepada penggunanya. Situasi yang sering dihadapi pengguna air di Selangor dan Kuala Lumpur begitu mengecewakan.

Saral James Maniam,
 Presiden Forum Air Malaysia

tubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata Air Selangor perlu melakukan pemantauan dan penyelenggaraan lebih kerap bagi mengesan masalah termasuk kebocoran paip, sekali gus mengelakkan gangguan berulang di Lembah Klang.

"Apabila paip yang menyalurkan bekalan air terawat bocor, ia mungkin ada kaitan dengan isu penyelenggaraan.

"Saya harap aspek penyelenggaraan paip diberikan perhatian supaya warga Lembah Klang tidak terus berdepan masalah be-



Apabila paip menyalurkan bekalan air terawat bocor, ia mungkin ada kaitan dengan isu penyelenggaraan. Saya harap aspek penyelenggaraan paip diberi perhatian.

Lee Lam Thye,
 Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat

kalan air terputus," katanya. Lam Thye berkata, ketiadaan bekalan air amat menyusahkan pengguna yang kini berada di rumah susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang selama dua minggu sejak 14 Oktober lalu.

"Dalam tempoh negara berdepan penularan COVID-19, kita sentiasa diingatkan supaya duduk di rumah. Apabila berlaku gangguan air seperti ini, ia akan membawa banyak masalah kepada orang ramai dan menyusahkan pengguna," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
19 October 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LRA SSP1 kembali beroperasi tengah hari semalam
Muka Surat	:	18

LRA SSP1 kembali beroperasi tengah hari semalam

Kuala Lumpur: Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) kembali beroperasi selepas bekalan airnya sudah disalurkan ke sistem agihan bekalan air pada jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elna Baseri, berkata pihaknya juga menyediakan pelan pemulihan bekalan air untuk 686 kawasan di lima wilayah yang terjejas dengan gangguan tidak berjadual itu.

Lima wilayah berkenaan adalah di Wilayah Petaling, Gombak, Klang/Shah Alam, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor.

"Justeru, pelan pemulihan yang dibahagikan kepada dua kumpulan utama mengikut wilayah, iaitu Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 dengan bekalan akan pulih secara berperingkat pada 19 dan 20 Oktober," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Elna berkata, Air Selangor memohon kerjasama pengguna supaya menggunakan air secara ber-

hemat bagi memastikan proses pemulihan di semua kawasan terjejas berjalan lancar dan mengikut jadual pelan pemulihan bekalan air.

"Setakat ini, Air Selangor sudah menggerakkan 88 lori tangki air ke premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis serta kawasan perumahan terjejas. Pengguna juga boleh mendapatkan bantuan bekalan air melalui pili awam disediakan ketika tempoh pemulihan bekalan air.

"Pengguna turut dinasihatkan mematuhi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ketika mengambil bekalan air dari lori tangki dan di pili awam," katanya.

Elna berkata, Air Selangor akan memaklumkan status pelan pemulihan bekalan air dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasinya, iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook dan Instagram Air Selangor dan laman sesawang www.air-selangor.com.



Suasana tenang di tempat pengambilan air yang disediakan Air Selangor kepada penduduk setempat di tepi jalan AU3 Keramat, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 October 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jualan RM75, saman RM300
Muka Surat	:	23

Jualan RM75, saman RM300

Oleh **SHAFIQAH SHUKOR**
 shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

BERNIAGA tanpa lesen memang satu kesalahan yang boleh dikenakan saman oleh pihak berkuasa.


Namun ekonomi negara yang semakin merosot akibat pandemik Covid-19, menyebabkan peniaga tanpa lesen mungkin terpaksa berbuat demikian bagi menampung kos sara hidup.

Baru-baru ini seorang pemuda berkongsi kejadian dialami dengan rakannya. Mereka disaman selepas menjual minuman tanpa lesen di kawasan Selangor. Mereka hanya sempat menjual beberapa botol air, sebelum Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengenakan saman RM300 terhadap mereka.

“Harini saya saja teman Azri berniaga menggunakan keretanya, katanya mahu cari duit lebih sebelum masuk semester baharu.

“Malangnya, tidak sampai setengah jam berniaga, jualan baru lima botol air, abang MBSA dah datang bawa kejutan! Jualan baru RM75 tetapi saman yang dikenakan sebanyak RM300,” kongsi pemuda itu melalui video TikTok.

Video yang tular di laman Twitter itu meraih lebih 38,000 tanda suka lantas mengambil



SAMAN diterima seorang penjual air mendapat perhatian Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

perhatian Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Turut bersimpati terhadap keadaan pemuda tersebut, beliau berjanji untuk membantu memudahkan urusan mereka.

“Saya telah menghubungi pihak MBSA untuk membantu memudahcara urusan beliau untuk berniaga di sekitar Shah Alam,” tulisnya di laman Twitter.



KERATAN AKHBAR
19 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gangguan pulih sepenuhnya esok
Muka Surat	:	12

Gangguan pulih sepenuhnya esok

Kuala Lumpur: Penduduk Lembah Klang perlu bersabar berikutan gangguan bekalan air tidak berjadual di 686 kawasan terjejas hanya akan pulih sepenuhnya jam 2 petang esok secara berperingkat.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri berkata, gangguan bekalan air di 241 kawasan terjejas di wilayah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor akan pulih sepenuhnya jam 2 petang hari ini.

“Bagi 445 kawasan lagi (pulihan) pada 20 Oktober (esok) waktu yang sama. Ia susulan pengoperasian semula Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) dan bekalan air diagihkan ke sistem agihan bekalan air pada jam 12 tengah hari, semalam.

“Oleh itu, Air Selangor

memohon kerjasama pengguna supaya menggunakan air secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan di semua kawasan terjejas berjalan lancar dan mengikut jadual pemulihan air,” katanya.

Gangguan bekalan air tidak berjadual yang bermula jam 9 malam kelmarin susulan henti tugas separa LRA SSP1 bagi membolehkan kerja pembaikan paip bocor yang menyalurkan air terawat dilakukan.

Elina berkata, pihaknya sudah menggerakkan 88 lori tangki air ke premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis serta kawasan perumahan terjejas.

Orang ramai juga boleh mendapatkan bantuan bekalan air melalui pili awam disediakan ketika tempoh pemulihan seperti disenaraikan di www.airselangor.com dan dinasihatkan mematuhi garis panduan.

- Bernama

88 lori tangki air digerakkan ke premis kritikal seperti hospital



KERATAN AKHBAR
19 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	12 rumah di tiga lokasi kena limpahan
Muka Surat	:	16



FENOMENA AIR PASANG BESAR



- 1 SEORANG kanak-kanak memegang belangkas di kawasan rumah yang dinaiki air berikutan fenomena air laut pasang besar di Perkampungan Nelayan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang, semalam.
- 2 MOHD Helmi Husin bersama dua daripada empat anaknya yang tinggal di dalam kereta susulan fenomena air pasang besar di Kampung Sungai Janggut, Jeram, Kuala Selangor, semalam.
- 3 KANAK-KANAK bermandi-mandi di kawasan rumah dekat Perkampungan Nelayan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang, semalam.
- 4 PENDUDUK membersihkan kawasan rumah yang dinaiki air dekat Perkampungan Nelayan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang, semalam.
- 5 SEORANG warga emas meninjau rumahnya yang dimasuki air di Kampung Sungai Janggut, Jeram, Kuala Selangor, semalam.



Kuala Selangor: Sebanyak 12 rumah di tiga lokasi di daerah ini terjejas susulan fenomena air pasang besar berukuran 5.8 meter, semalam.

Pegawai Operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir berkata, fenomena yang berlaku pada jam 6.50 pagi itu menjejaskan lima rumah di Kampung Sungai Janggut, Bagan

12 rumah di tiga lokasi kena limpahan

Sungai Janggut (3) dan Jalan Yunus, Sungai Sembilang (4).

Beliau berkata, hasil pemantauan pada jam 11 pagi mendapati kejadian air melimpah disebabkan hakisan pada ban dan benteng di kampung terbabit susulan fenomena itu.

"Sebuah pusat peminda-

han banjir di Sekolah Kebangsaan Tambak Jawa berada dalam keadaan bersedia bagi menempatkan mangsa yang terkesan banjir.

"Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) sedang giat menjalankan kerja-kerja pembaikan ban bermula 30 September lalu hingga kini.

"Selain itu, JPS juga me-

ngaktifkan satu unit pam berhampiran parit keluar di rumah terjejas bagi mengepam keluar air laut yang melimpah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhammad Izzat berkata, pihaknya mendapati kawasan penempatan yang sebelum ini dinaiki air mulai surut selain berlaku limpahan

kecil dikesan melepasi ban di 13 lokasi di daerah ini.

"Antara kawasan yang dilimpahi air pasang besar di Tanjong Karang ialah Bagan Pasir, Kampung Tok Adam, Kampung Bagan Sungai Kajang, jeti nelayan Sungai Kajang dan Pantai Rekreasi Sungai Kajang.

"Manakala di Kuala Se-

langor, kawasan dilimpahi air ialah di jalan masuk Apartmen Budiman, Jalan Sungai Dungun, Ikan Bakar Pantai Jeram, Bagan Pasir Penambang, Jalan Persekutuan berhampiran Pasaraya Mustafa, Bagan Sungai Janggut, pekan Sungai Buloh Sasaran dan Jalan Taman Senangin Sasaran.

"Manakala ban di pesisir pantai masih kukuh dan dalam keadaan baik," katanya.



KERATAN AKHBAR 19 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bila Badai Reda - Cabaran industri air
Muka Surat	:	17

Harian Metro | Isnin 19.10.2020

@hmetromy | #HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my | 17

Air merupakan nadi kehidupan. Walaupun Malaysia mempunyai sumber air mentah yang banyak, kita berdepan dengan peningkatan permintaan yang mendadak kebelakangan ini. Ramai yang memandang ringan hal sumber semula jadi ini, malah beranggapan bahawa proses membekalkan air bersih adalah murah dan mudah.

Operator perkhidmatan bekalan air di Malaysia kini berdepan pelbagai cabaran dalam memastikan pengguna mempunyai bekalan air bersih yang berterusan, dan memastikan kelestarian masa depan bekalan air. Memahami cabaran ini adalah kunci utama dalam mengenal pasti tanggungjawab bersama dalam memulihara sumber asli ini.

■ Kualiti air mentah

Menurut kajian mengenai sumber air tawar Malaysia oleh *World Wildlife Foundation (WWF)*, 97% sumber air tawar negara ini berasal dari sungai. Kebanyakan loji rawatan air di Malaysia merawat air mentah dari sungai. Walau bagaimanapun, kebanyakan sumber air ini tercemar akibat aktiviti manusia. Apabila sumber air mentah tercemar, loji rawatan air mungkin perlu ditutup apabila tahap pencemaran melebihi tahap parameter selamat yang dibenarkan dalam proses rawatan atau melebihi kemampuan proses rawatan.

Operator air seperti Air Selangor telah melabur dalam pemasangan sensor kualiti air di hulu kawasan loji rawatan air bagi mengesan bahan tercemar di dalam sungai. Apabila bahan tercemar dikesan, sistem akan menghantar amaran bagi membolehkan langkah pencegahan awal dan pemulihan diambil untuk menghalang air tercemar dari mengalir ke dalam loji. Namun begitu, sensor ini mempunyai keterbatasan mengesan bahan tercemar seperti bau ataupun bahan yang tidak boleh meletupnya. Masyarakat juga perlu prihatin dalam melindungi sungai kita, sekaligus menjadi mata dan telinga pihak berkuasa untuk melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan berhampiran sumber air.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dalam satu temu bual pada 7 Oktober 2020, menekankan tentang tanggungjawab bersama memelihara dan mengawal selia sumber air mentah dalam negara. Merujuk kepada insiden pencemaran terbaru di Sungai Batang Benar, Dr Zaini berkata tanggungjawab bersama ini perlu dipikul oleh sekurang-kurangnya 10 agensi negeri dan persekutuan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), PDRM, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), majlis perbandaran tempatan, dan lain-lain.

Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air

Operator perkhidmatan bekalan air di Malaysia menghadapi cabaran dalam memastikan pengguna mendapat bekalan air bersih, serta memastikan kelestariannya.



Loji Rawatan Air Labohan Dagang memanfaatkan sumber air dari sistem Penyimpanan di Luar Sungai (ORS), membolehkan loji ini terus beroperasi walaupun terdapat pencemaran di sungai.



Sampah-sarap, sisa-sisa kimia dan organik, serta efluen yang mengalir masuk ke sungai adalah punca utama pencemaran air di negara ini.

■ Impak perubahan iklim

Perubahan iklim telah mengubah kitaran, ketersediaan, kuantiti dan kualiti bekalan air global. Antara kesannya adalah musim kemarau yang panjang dan hujan yang terlampau lebat. Walaupun hujan lebat secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan bekalan air mentah, ia juga akan mempengaruhi kemampuan tanah untuk menyerap air. Limpahan air hujan akan membawa sampah-sarap, daun/ranting, minyak dan tanah dari permukaan mengalir ke dalam sungai, mengakibatkan air menjadi keruh dan berkurangan kualitinya.

Merawat air keruh merupakan satu proses yang sangat kompleks. Loji rawatan air mungkin perlu ditutup atau tahap aliran air masuk perlu dikurangkan apabila loji tidak boleh memproses air yang terlampau keruh. Bagi memastikan bekalan air yang berterusan, operator air terpaksa mengurangkan kebergantungan terhadap satu sumber air mentah selain mempertingkatkan kemampuan operasi merawat air yang mana memerlukan pelaburan tinggi.

Sebagai sebahagian daripada strategi mempertingkatkan daya tahan dan kemampuan penyimpanan sumber air mentah, Air Selangor membina fasiliti *Off-River Storage*

(ORS) dan *Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS)*. Fasiliti HORAS 600 berhampiran Sungai Selangor, contohnya, boleh menyediakan 300 juta liter sehari air mentah tambahan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor. Antara usaha utama Air Selangor yang lain adalah pembinaan loji rawatan air moden di hiliran sumber air, iaitu LRA Semenyih 2 dan Labohan Dagang. Merujuk kepada insiden pencemaran di Sungai Batang Benar, Dr Zaini turut memaklumkan bahawa LRA Semenyih 2 beroperasi menghasilkan air terawat seperti biasa walaupun loji tersebut menerima sumber air mentah dari sungai yang sama. Ini kerana LRA Semenyih 2 memproses air mentah yang tidak tercemar yang disimpan di ORS. Pada masa hadapan, bekalan air mentah dari kemudahan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) dan HORAS akan membolehkan loji rawatan air terus beroperasi meskipun sungai tercemar atau terkesan akibat perubahan iklim.

Walaupun dengan pendekatan baharu untuk menempatkan loji rawatan air di hiliran sumber air, kemampuan Air Selangor untuk menampung jangkaan permintaan bergantung pada margin simpanan air yang berada pada 11% setakat Disember 2019. Bagi menyediakan

bekalan air bersih dan selamat yang berterusan, pelaburan besar diperlukan dalam mengembangkan infrastruktur loji rawatan air yang sedia ada di negara ini. Walau bagaimanapun, belanjawan yang terhad dan tiada kenaikan kadar tarif sejak beberapa tahun lalu mengekang usaha operator air untuk mempertingkatkan kemampuan operasi bagi memenuhi permintaan.

"Perubahan iklim perlu ditangani dengan segera. Kita perlu bersama-sama mewujudkan kesadaran mengurangkan impak terhadap iklim. Ini juga boleh merangkumi usaha dan strategi berterusan dalam mendorong pemikiran ke arah gaya hidup hijau," Professor Dr. Sumiani Yusoff dari Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaysia

■ Kos rawatan air

Menurut Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kos untuk merawat 1,000 liter (satu meter padu [m³]) air adalah RM2.31 manakala purata tarif yang dikenakan kepada pengguna domestik di Malaysia adalah RM0.52 setiap m³ bagi 20 m³ air yang digunakan. Secara purata, satu isi rumah menggunakan lebih kurang 20 m³ air sebulan, yang dianggarkan berjumlah RM10.40 bagi penggunaan yang dibilkan setiap bulan sedangkan kos sebenar untuk merawat dan membekalkan air adalah RM46.20.

Sebagai perbandingan, pengguna domestik di Singapura contohnya, akan dicaj S\$1.21 (RM3.62) setiap m³ bagi 40 m³ pertama air yang digunakan. Bagi setiap 20 m³ pertama, warga Singapura perlu membayar S\$24.20 (RM87.60), termasuk cukai, pemuliharaan air sebanyak 50% dan

kadar tetap air untuk setiap m³ yang digunakan. Cukai pemuliharaan air ini dikenakan bagi menggalakkan warga Singapura untuk memulihara dan menghargai nilai air.

Ramai yang tidak peka dengan kos yang tinggi dan risiko yang ditanggung oleh operator air di Malaysia bagi menyediakan bekalan air bersih secara berterusan dan lestari. Sebagai contoh, anggaran kos untuk Air Selangor menggantikan satu kilometer (km) paip agihan adalah RM1 juta. Terdapat 6,000 km paip agihan dalam sistem pengagihan air. Air Selangor perlu meningkatkan usaha dan sumber kewangan bagi kerja pemantauan dan penyelenggaraan paip-paip usang ini. Mengurus rangkaian pengagihan air memerlukan pemantauan berterusan oleh operator air kerana aset lama adalah penyebab peningkatan insiden kebocoran yang merupakan punca utama kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW).

Air Selangor kini menyelenggara dan mengurus sejumlah 29,270 km saluran paip agihan yang membekalkan air kepada lebih 8.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Justeru, demi memenuhi jangkaan peningkatan permintaan serta memastikan kelestarian masa hadapan industri air, Air Selangor komited untuk melabur RM35.4 bilion untuk jangka masa 30 tahun sebagai sebahagian daripada perancangan perbelanjaan modal (CAPEX) berdasarkan perancangan dan inisiatif strategiknya. Ini termasuk untuk membina loji rawatan air baharu, menaik taraf kemudahan bekalan air sedia ada, mengurangkan kebocoran/NRW, menggantikan paip usang dan melaksanakan program pemuliharaan air.

■ Ke arah masa hadapan lestari untuk industri air

Operator air perlu menerokai teknologi baharu dari Revolusi Perindustrian Keempat (4.0) bagi mencari penyelesaian cabaran pengurusan air yang sudah lama wujud di negara ini. Digitalisasi dapat membantu operator air untuk membangunkan bekalan air yang selamat, lestari dan berdaya tahan bersama dengan pengurusan aset yang berkesan.

Namun begitu, ini masih belum mencukupi untuk memastikan kelestarian masa hadapan industri air di Malaysia. Menurut SPAN, penggunaan air domestik di Selangor pada tahun 2018 adalah 233 liter purata per kapita, jauh lebih tinggi dari 165 liter yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Masyarakat harus memainkan peranan dalam memulihara air. Mengamalkan langkah-langkah menjimatkan air dan menggunakan air dengan lebih cekap dalam kehidupan seharian mendatangkan impak positif terhadap ketersediaan bekalan air mentah untuk jangka masa panjang.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	TM R&D menang 2 anugerah iktiraf penyelesaian pintar
Muka Surat	:	38

TM R&D menang 2 anugerah iktiraf penyelesaian pintar

KUALA LUMPUR – Telekom Malaysia Bhd. (TM) melalui cabang inovasinya, Telekom Research & Development Sdn. Bhd. (TM R&D) memenangi dua anugerah pada Anugerah Kecemerlangan Forum TM baru-baru ini.

